

92-3603

**SEJARAH  
PERKEMBANGAN ISLAM**

NASKHAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

30 NOV 1992

# SEJARAH PERKEMBANGAN ISLAM

MOHD JAMIL BIN MUKMIN

97-115.

NURIN ENTERPRISE  
KUALA LUMPUR

Edisi Pertama 1992  
Cetakan Pertama  
© Mohd Jamil Bin Mukmin

ISBN 967 984 042 5

Hakcipta dan cetakan terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam sebarang bentuk dan cara – baik secara elektronik, mekanikal dan sebagainya, tanpa mendapat izin terlebih dahulu daripada

**NURIN ENTERPRISE.**

Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhurf oleh: DTP Nurin Enterprise  
Muka Taip Teks: New Century Schlbk  
Saiz Taip Teks: 10/12

Penerbit:  
Nurin Enterprise  
40, Jalan Kemuja, Off Jalan Bangsar  
59000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2823112  
Fax: 03-2821113

Harga: \$15.00

Pencetak:  
CETAKTAMA SDN. BHD.

695661  
APB

- 4 NOV. 1993

Perpustakaan Negara

*Untuk anak-anakku*

***Wan Hassan, Wan Khadijah  
dan Wan Nuraini***

*Untuk Tabung Pendidikan Anak-Anak Yatim / Miskin*

## KATA ALU-ALUAN



منترى فنديديكن مليسيا

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Saya mengucapkan terima kasih kepada penulis buku ini yang sudi menjemput saya untuk memberi sepatah dua kata alu-aluan untuk bukunya "**Sejarah Perkembangan Islam**". Saya mengucapkan tahniah kepada Encik Mohd. Jamil bin Mukmin yang telah berjaya menulis buku tersebut.

Dalam buku Sejarah Islam ini saya dapati penulis buku berkenaan telah menghuraikan dua persoalan pokok. Pertama ialah mengenai sejarah perkembangan wilayah-wilayah Islam yang mengandungi detik-detik pertumbuhan Empayar Islam, seperti Kerajaan Bani Umayyah dan Kerajaan Bani Abbasiyah, Kerajaan Islam di Sepanyol, Kerajaan Turki Uthmaniah dan lain-lain; zaman keagungan dan keruntuhan Kerajaan-Kerajaan Islam yang berkenaan. Kedua ialah mengenai sejarah peradaban Islam khususnya mengenai perubahan pemikiran yang dianjurkan oleh Islam sehingga mencapai keagungannya dalam bidang ilmu pengetahuan.

Dalam menghuraikan fakta-fakta sejarah yang tersebut di atas, saya mendapati penulis telah membuat beberapa percubaan yang berjaya, iaitu penonjolan ketinggian peradaban. Agama Islam sentiasa menggalakkan penganut-penganut supaya sentiasa berfikiran membina tamadun yang tinggi, terutama dalam mencari dan menuntut ilmu pengetahuan. Pemikiran dalam Islam telah membawa Kerajaan Islam mencapai peradaban yang begitu tinggi pada zaman yang lampau. Tetapi apabila zaman **jumud**, iaitu zaman kebekuan, perkembangan pemikiran berlaku – setelah negara-negara Islam menghadapi zaman keruntuhannya dan dijajah, perkembangan pemikiran umat Islam telah menghadapi zaman kegelapan. Alhamdulillah, setelah zaman kemerdekaan di kalangan negara-negara Islam, perkembangan pemikiran di kalangan intelektual Islam kembali bersinar. Inilah antara perkara-perkara pokok yang dihuraikan dalam buku ini.